

***I-NA'T* WEBSITE USAGE AS ARABIC GRAMMAR TEACHING AID**

PENGUNAAN LAMAN WEB *I-NA'T* SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR TATABAHASA ARAB

Noor Muhammad Othman¹, Mohammad Najib Jaffar² & Nur Azreen Zainal³

¹ (*Corresponding author*). Pembantu Penyelidik. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. noormuhammad0609@gmail.com

² Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Universiti Sains Islam Malaysia. najib@usim.edu.my

³ Pelajar Sarjana, Bahasa Arab dan Komunikasi Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Universiti Sains Islam Malaysia. nurazreenzs93@gmail.com

**Vol 5 No 1
August Issue
2019**

Abstract

The purposes of this study were to explore the understanding and feedback of student towards I-Na't website as Arabic Grammar teaching aid. Besides, this study was to identify the level of understanding Arabic Grammar among students of Tamhidi intake 2018/2019 at Universiti Sains Islam Malaysia after using I-Na'at website. This study had been carried out among 36 of Tamhidi students. The result shown the significance of I-Na'at website as Arabic Grammar teaching aid. Hopefully the results of this study may affect the practical implication of teaching and learning Arabic at Secondary schools and universities and Malaysia Institutions of Higher Learning.

Keywords: I-Na't, Arabic, Grammar, Website, Teaching.

Abstrak

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka kefahaman dan maklum balas terhadap laman web I-Na't. Selain itu, ia bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar Tamhidi ambilan 2018/2019 Universiti Sains Islam Malaysia tentang pembelajaran tatabahasa Arab selepas penggunaan laman web I-Na'at. Kajian ini telah dijalankan terhadap 36 pelajar Tamhidi, USIM. Hasil kajian menunjukkan betapa pentingnya laman web I-Na't kepada pelajar sebagai alat bantu mengajar tatabahasa Arab untuk mereka. Diharapkan agar dapatan kajian ini dapat memberi implikasi praktikal terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah Menengah dan Universiti melalui laman web I-Na't.

Kata kunci: I-Na't, Bahasa Arab, Tatabahasa, Laman Web, Mengajar.

PENDAHULUAN

Subjek Bahasa Arab diakui semakin penting dalam sistem pendidikan kebangsaan (Aladdin & Musa, 2014; Mohd Fadzli Ismail & Mohd Sukki Othman, 2012). Keperluan mempelajari bahasa Arab bukan sekadar memenuhi tuntutan kurikulum kebangsaan, bahkan bahasa Arab merupakan satu bahasa yang mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam. Bahasa Arab turut dipilih untuk menjadi bahasa pengantara bagi membawa mesej Islam menerusi Al-Quran (Al-Osaimi & Wedell, 2014; Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya, & Muhammad Sabri Sahrir, 2013).

Justeru, penguasaanya secara tidak langsung diiktiraf sebagai asas pemahaman dan penghayatan al-Quran. Ini amat penting kerana penghayatan al-Quran salah satu cara untuk memartabatkan diri seseorang dan ummahnya. Selain itu, penguasaan bahasa Arab juga dapat meningkatkan pencapaian dalam pendidikan agama Islam khususnya dalam Tilawah al-Quran.

Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab institusi pendidikan untuk memberi didikan kepada pelajar untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara. (Mohammad Najib & Aiman 2016)

Perkembangan pesat teknologi pada hari ini telah memberi impak yang sangat besar kepada hampir kesemua sistem di seluruh pelusok dunia. Kemajuan teknologi ini bukan sahaja memudahkan proses sesuatu sistem dan meningkatkan kualiti dan kuantiti penghasilan, bahkan mempercepatkan lagi aliran kerja.

Di samping itu, penggunaan teknologi juga dilihat lebih menarik dan efisien. Melalui perkembangan sihat ini, pelbagai pihak mula mengambil perhatian serius terhadap teknologi dan dikaitkan kepada pelbagai bidang. Antara bidang yang menjadi tumpuan ialah bidang pendidikan, yang mana para tenaga pengajar mula menekankan

penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di pelbagai peringkat pengajian (Ahmad Zaki, 2014).

Sejajar dengan hasrat inilah, maka pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan mata pelajaran bahasa Arab untuk sekolah rendah di mana ia termasuk dalam komponen program j-QAF (Mohammad Najib & Aiman, 2016).

Di samping itu, aspek Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau *Information and Communication Technology (ICT)* turut diperkenalkan pada tahun 2002 dalam bidang pendidikan dan turut dilaksanakan di prasekolah. Di bawah program ICT juga empat projek telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) iaitu Projek Rintis Sekolah Bestari, School Net, makmal (Rabiatul Adawiyah & Halimah, 2011).

Manakala di peringkat pengajian tinggi, walaupun tiada penyelarasan daripada pihak kementerian di institut pengajian tinggi (IPT) sebagaimana dilakukan di peringkat sekolah, namun, majoriti IPT telah menggunakan teknologi sebagai satu medium penting dalam P&P, sebagai contoh; penggunaan *e-learning* di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dikenali sebagai; *Global Open Access Learning System (GOALS)* (<http://goals.usim.edu.my/moodle/index.php>, 28 Januari 2014), di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dikenali sebagai; MyGuru

(<https://myguru2.upsi.edu.my/login.php>, 28 Januari 2014), dan banyak lagi (Ahmad Zaki, 2014).

TEORI KEPERLUAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN MELALUI LAMAN WEB

Mohammad Najib & Aiman (2016) berpendapat pembelajaran melalui laman web ialah pembelajaran secara elektronik atau dikenali sebagai e-Pembelajaran. Ia merupakan kombinasi antara elemen pendidikan & teknologi elektronik. Kaedah ini membolehkan individu mengikuti sesi pembelajaran

secara lebih terbuka dan bebas berdasarkan keinginan dan keupayaan sendiri tanpa perlu mengikuti jadual atau menghadiri kelas yang ditetapkan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun sistem Pengajaran & Pemudahcaraan (PDPC) di sekolah telah beranjak kepada sistem abad 21, namun hasil kajian yang diperolehi tidak melihat tanda sedemikian. Menerusi dapatan kajian Nor Aziah (2017) berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab: Masalah Dan Cabaran, ia mendapati, permasalahan utama yang dihadapi oleh para pelajar ialah berkaitan soal minat, motivasi, sikap serta persepsi terhadap Bahasa Arab.

Manakala masalah guru yang utama adalah kurang penggunaan bahan bantu mengajar, penggunaan kaedah yang kurang sesuai serta masalah sikap guru itu sendiri.

Jika dirujuk kembali terhadap kajian yang dijalankan oleh Rosni Samah (2012), beliau menyenaraikan tujuh isu yang menjadi cabaran kepada dunia pendidikan bahasa Arab. Antara isu atau cabaran utama yang dinyatakan oleh beliau adalah pengajaran berpusat kepada guru yang menjadikan pelajar pasif dalam pembelajaran bahasa Arab berteraskan kepada terjemahan teks.

Oleh yang demikian, pengkaji bersetuju dengan rumusan yang dibuat oleh Ahmad Zaki (2014) iaitu satu tinjauan kepada kajian lepas berkaitan kepenggunaan teknologi laman web terhadap pengajaran & pembelajaran bahasa Arab, didapati bahawa matlamat utama penggunaan teknologi dalam P&P adalah untuk menarik minat pelajar; di samping meningkatkan lagi keberkesanan P&P.

Semua ini jelas ditunjukkan melalui dapatan kajian yang dinyatakan, yang mana penggunaan teknologi dalam P&P berjaya mencapai matlamat utama sebagaimana diterangkan sebelum ini. Tambahan lain, terdapat beberapa manfaat penggunaan teknologi dalam P&P, sebagaimana disenaraikan oleh Unit

Komputer Dalam Pendidikan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), antaranya (http://web.moe.gov.my/bpk/bsk/bpan_duan/ict_in_pnp.pdf, 30 Januari 2014):

- i. Meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap pelajaran.
- ii. Memberi peluang pembelajaran yang sama kepada semua pelajar yang pelbagai keupayaan.
- iii. Meningkatkan motivasi pelajar.
- iv. Membolehkan pembelajaran bersendirian (*individual learning*).
- v. Membolehkan pelajar mengakses maklumat yang sukar diperolehi.
- vi. Membolehkan pelajar mengumpul maklumat yang perlukan masa yang lama atau terlalu mahal untuk diperolehi.
- vii. Mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mencabar.
- viii. Membolehkan pelajar mencuba atau melaksana eksperimen yang sukar, terlalu mahal, mustahil atau bahaya untuk dilaksanakan dengan cara biasa.
- ix. Meningkatkan daya kreativiti dan imaginasi pelajar.
- x. Memberi peluang kepada murid belajar secara berkesan dengan bimbingan yang minimum.
- xi. Meningkatkan kemahiran ICT.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk meneroka kefahaman dan maklum balas pelajar terhadap laman web I-Na'at.
- ii. Untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar Tamhidi ambilan 2018/2019 Universiti Sains Islam Malaysia tentang pembelajaran tatabahasa Arab selepas penggunaan laman web I-Na'at.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua reka bentuk kajian. Pertama kajian kualitatif iaitu berbentuk pemerhatian yang banyak bergantung kepada perkataan dan makna yang diberikan oleh subjek sebagai data untuk dianalisis.

Kedua, kajian ini juga turut menggunakan kaedah tinjauan deskriptif, iaitu dengan mengambil peratusan daripada pendapat yang dikemukakan responden melalui edaran borang kaji selidik yang menggunakan skala Likert. Borang ini diedar secara atas talian menggunakan *Google Form*.

Hasil daripada maklum balas direkodkan. Ia sekaligus memberikan pencerahan dan jawapan terhadap objektif kedua kajian ini iaitu untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar selepas menggunakan laman web I-Na'at.

POPULASI KAJIAN

Seramai 36 orang pelajar Tamhidi di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ambilan 2018-2019 telah dipilih untuk menjadi responden kajian ini. Mereka dipilih berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah. Latar belakang sampel terdiri daripada pelajar aliran Sains, Akaun dan Syariah.

Kesemua responden mempunyai pengetahuan terhadap topik yang didedahkan dalam laman web. Ini memandangkan kesemua mereka telah mengambil subjek Bahasa Arab semasa peperiksaan SPM dahulu.

Isi kandungan Laman web I-Na'at: merangkumi dua elemen, iaitu:

a. Penggayaan Laman Web I-Na'at Yang Menekankan Tema *Interactive Learning* Membantu Guru Untuk Menarik Minat Pelajar Mempelajari Tatabahasa Arab.

Dalam laman web i-Na'at ini, para guru tidak lagi menggayakan kaedah tradisional untuk membuat pemahaman dan pengukuhan terhadap topik *na't wa man'ut*, akan tetapi, pelajar boleh mengakses serta memahami secara sendiri terlebih dahulu sebelum guru memberi kesimpulan awal.

Ia boleh dilakukan sedemikian

kerana terdapat ulasan berbahasa Melayu berkaitan kefahaman topik pada laman utama web. Seterusnya, pelajar boleh membelek secara mudah umpama sebuah nota kaki yang ringkas. Ia memuatkan berkaitan definisi, pembahagian, teknik dan pembinaan ayat yang betul berkaitan *na't wa man'ut*.

Juga terdapat dua video yang dimuat naik daripada youtube untuk memberi lebih pencerahan berkaitan topik.

Seterusnya, pada halaman kedua laman web, terdapat ruangan pelajaran dikenali sebagai *al-Durus*. Ia menekankan konsep pengajaran secara tutorial kerana guru boleh membuat kuiz menggunakan aplikasi *Kahoot* yang dimuat naik dalam web ini. Kuiz yang disajikan berbentuk jawapan aneka pilihan. Di samping itu, terdapat satu video yang dibina menggunakan aplikasi *ScreencastOmatic*.

Menerusi video ini, pelajar dapat belajar serentak dengan melihat paparan dan mendengar semua maklumat dalam bahasa Arab dan Melayu. Ia seperti sebuah pembelajaran atas talian yang membantu pelajar untuk meneroka secara sendiri.

Beralih kepada halaman ke tiga pula, pelajar didedahkan dengan analisis soalan SPM berkaitan *na't wa man'ut*. Analisis ini direka dalam bentuk video yang digayakan dengan aplikasi *Powtoon*. Memandangkan topik ini ialah topik peringkat menengah atas, jadi tidak hairanlah ia perlu seiring dengan kehendak guru yang inginkan maklumat yang ringkas berkaitan analisis soalan SPM yang berkaitan dengan topik sahaja. Selain itu, pelajar disajikan dengan latihan bertulis menggunakan *Google Doc*.

Pelajar juga boleh terus menjawab soalan yang disediakan dengan bimbingan guru. Soalan yang diberikan juga adalah aras rendah kerana ia bertujuan untuk melihat daya ingatan pelajar terhadap apa yang telah dilihat pada halaman utama terdahulu.

Kemudian, pada ruangan yang sama, terdapat satu bentuk ujian yang mengandungi lima soalan. Kelima-lima item ini dimuat naik dengan

menggunakan perisian *Google Form*.

Pelajar digalakkan untuk menjawab pada ruangan di sini. Ia bertujuan menilai kefahaman pelajar terhadap latihan yang telah mereka lalui sebentar tadi. Pada ruangan terakhir iaitu *Ittasil Bina*, terdapat perisian *padlet*, iaitu satu bentuk papan yang boleh memuatkan sebarang komen, cadangan, perkongsian juga maklumat khusus untuk tatapan pengguna laman web.

b. Mengintegrasikan Naqli & Aqli melalui contoh ayat Al-Quran.

Laman web ini berusaha untuk memberikan contoh ayat berkaitan topik yang memudahkan pelajar. Terdapat beberapa contoh yang langsung diambil daripada potongan ayat Al-Quran yang ringkas sebagai medium pengintegrasian Naqli & Aqli serta ia dipersembahkan dalam bentuk yang agak menarik, interaktif dan tidak membosankan.

Bahan yang berunsurkan multimedia ini dilihat sangat berkesan untuk menarik minat pelajar. Justeru mereka bebas meneroka lebih jauh tentang topik yang dihidangkan terutama untuk mempelajari subjek bahasa.

Berpandukan kepada saranan oleh pengkaji terdahulu seperti Mayer (2001), beliau mendefinisikan multimedia sebagai persembahan bahan pengajaran menggunakan perkataan dan gambar. Dua komponen bahan yang terlibat dalam proses pdp adalah perkataan dan gambar yang menarik secara elektronik.

Pendapat yang diutarakan oleh Mayer telah disokong dan dikembangkan oleh pendapat lain yang memasukkan elemen berunsur teknologi dalam penyelidikan bahan pengajaran. Antaranya Bush (2007) yang menambah elemen suara dalam penerokaan bahasa, pemanfaatan jaringan internet melalui World Wide Web (WWW) (Joliffe, Ritter & Stevens, (2007) serta pemanfaatan grafik yang menarik dalam pengajaran kosa kata bahasa (Salsbury, 2006 & Bush 2007).

DAPATAN KAJIAN

Maklum Balas

Berdasarkan maklum balas yang

diterima melalui ruangan padlet yang disediakan, pengkaji telah dapat mengenal pasti beberapa respons yang positif terutama mengenai kefahaman pelajar selepas menggunakan laman web I-Na'at. Berikut beberapa coretan maklum balas yang diterima.

Responden 1

Muhammad Nor Adnin bin Zunaidi.
Tamhidi Perakaunan USIM

5 point yang saya fahami mengenai I-Na'at :

- i. *Na'at* bererti sifat.
- ii. *Na'at* itu ditujukan kepada *man'utnya*.
- iii. *Man'ut* itu apa yang disifatkan.
- iv. Dari segi i'rab na'at.... Ia bergantung mengikut pada *man'utnya* (baris dan lain-lain).
- v. Contohnya apabila *man'utnya* ada alif lam, *na'tnya* mesti juga ada alif lam.. begitu juga sebaliknya.

Pada saya website ini bagus buat pendidikan. Content dalamnya juga jelas dan mudah difahami oleh para penuntut ilmu. Maka *input* dan *output* tersedia.

Responden 2

Azri bin Rasudulakmar
Tamhidi Syariah & Undang-Undang.

- i. *Na'at* tergolong dalam *tawabi'*.
- ii. *Na'at* adalah sifat.
- iii. *Na'at* terbahagi kepada dua bahagian.
- iv. *Na'at* akan mengikut *man'ut*.
- v. *I'rab* dengan *raf'*, *nasb* dan *jarr*.

Website ini boleh diketengahkan lagi kepada pelajar yang mengambil subjek Bahasa Arab sebagai salah satu cara untuk meningkatkan kefahaman pelajar. *Bi al-Tawfiq Wa al-Najah*.

Analisis Diskriptif

Analisis diskriptif terhadap maklum balas responden berdasarkan ujian kaji selidik:

Jadual 1: Saya memahami tatabahasa Arab dengan lebih mendalam melalui laman web I-Na't.

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	1	2.8%
Sederhana	11	30.6%
Setuju	13	36.1%
Sangat Setuju	11	30.6%

Jadual tersebut menunjukkan jumlah peratusan yang mewakili bilangan responden yang memberikan maklum balas. Daripada apa yang difahami, majoriti responden memahami tatabahasa Arab dengan lebih mendalam melalui laman web I-Na't. Ini dibuktikan dengan peratus yang bersetuju dan sangat bersetuju mencatat jumlah 24 orang iaitu 66.7% daripada kesemua bilangan responden.

Jadual 2: Penggunaan laman web I-Na't mampu membantu saya menguasai bahasa Arab.

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	1	2.8%
Sederhana	11	30.6%
Setuju	15	41.7%
Sangat Setuju	9	25%

Untuk Jadual 2 pula, tinjauan dibuat terhadap kemampuan laman web I-Na't dalam membantu pelajar menguasai bahasa Arab. Peratus responden yang memberikan penilaian sederhana dan tidak setuju ialah sebanyak 33.4 % berbanding peratus yang bersetuju dan sangat bersetuju iaitu 66.7 %. Ini menunjukkan majoriti responden menganggap penggunaan laman web I-Na't mampu membantu pelajar menguasai bahasa Arab.

Jadual 3: Anda menjadi lebih komited untuk belajar tatabahasa Arab melalui laman web I-Na't.

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	1	2.8%
Sederhana	9	28%
Setuju	16	44.4%
Sangat Setuju	10	27.8%

Jadual 3 menunjukkan seramai 26 responden mengatakan bersetuju terhadap kenyataan "anda menjadi lebih komited untuk belajar tatabahasa Arab melalui laman web I-Na't. Manakala 10 orang yang lain pula mengatakan sebaliknya dengan masing-masing memberikan respons sederhana iaitu seramai 9 orang, dan seorang responden yang mengatakan tidak bersetuju terhadap kenyataan di atas. Ini menunjukkan satu tanggapan positif dalam kalangan kebanyakan pelajar yang rata-rata bersetuju terhadap penggunaan laman web I-Na't membolehkan mereka berkomited untuk terus belajar bahasa Arab.

Jadual 4: Saya memahami salah satu bahagian utama dalam tatabahasa Arab iaitu Al-Na't melalui laman web I-Na't dengan lebih mendalam.

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	11	2.8%
Sederhana	12	33.3%
Setuju	12	30.6%
Sangat Setuju	11	30.6%

Seterusnya, pada Jadual 4, 23 responden bersetuju terhadap kenyataan "Saya memahami salah satu bahagian utama dalam tatabahasa Arab iaitu Al-Na'at melalui laman web I-Na't dengan lebih mendalam". Bilangan ini merekodkan peratusan sebanyak 61.2%.

Adapun baki daripada itu, iaitu 12 orang responden menyatakan sederhana iaitu sebanyak 33.3%, dan seorang responden menyatakan tidak bersetuju iaitu 2.8%. Pengkaji melihat faktor yang menyebabkan 12 orang pelajar menyatakan sederhana iaitu kerana sebilangan mereka menganggap tidak cukup hanya memahami *Al-Na'at* sahaja tanpa perlu memahami topik yang lain yang juga dianggap penting untuk didalami.

Jadual 5: Saya menjadi pelajar bahasa yang mahir teknologi pembelajaran melalui penerapan laman web I-Na't

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	1	2.8%
Sederhana	14	38.9%
Setuju	10	27.8%
Sangat Setuju	11	30.6%

Pada Jadual 5 di atas, 15 orang responden yang masing-masing berpendapat sederhana iaitu seramai 14 orang, dan seorang tidak setuju terhadap kenyataan "Saya menjadi pelajar bahasa yang mahir teknologi pembelajaran melalui penerapan laman web I-Na't". Manakala 21 responden yang lain bersetuju dengan kenyataan tersebut yang menunjukkan peratusan sebanyak 58.4 %.

Ini dapat dirumuskan bahawa masih ramai lagi pelajar yang meletakkan persepsi tidak tepat terhadap unsur teknologi yang dibawa masuk ke dalam sistem pembelajaran dan pengajaran terutama bahasa Arab. Selanjutnya ia sekaligus mencerminkan sikap, motivasi dan persepsi mereka terhadap teknik pengajaran dan pembelajaran itu sendiri.

Mohammad Najib et. al (2018) menetapkan beberapa cadangan melalui dapatan kajian beliau antaranya pelajar perlu meningkatkan tahap motivasi dalaman dengan mempelbagaikan cara untuk memperoleh pengetahuan bahasa Arab, seperti meneroka bahan pembelajaran bahasa dalam media cetak

dan elektronik.

Jadual 6: Penguasaan tajuk *Al-Na'at* sebahagian daripada kejayaan pelajar bahasa Arab

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	1	2.8%
Sederhana	9	25%
Setuju	11	30.6%
Sangat Setuju	15	41.7%

Majoriti responden bersetuju bahawa penguasaan tajuk *Al-Na'at* ialah sebahagian daripada kejayaan pelajar bahasa Arab. Ini terbukti apabila peratusan yang dicatat iaitu sebanyak 72.3% berbanding 27.8% yang berpendapat sebaliknya. Ia juga secara tidak langsung memberi maksud bahawa pelajar sedar akan kepentingan tajuk ini dalam melestarikan kefahaman mereka terhadap tatabahasa Arab.

Jadual 7: Saya mengetahui contoh ayat Al-Quran dan Hadis yang mengandungi *An-Na'at* melalui laman web I-Na't

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	1	2.8%
Sederhana	11	30.6%
Setuju	9	36.1%
Sangat Setuju	15	30.6%

Kebanyakan responden bersetuju terhadap kenyataan "Saya mengetahui contoh ayat Al-Quran dan Hadis yang mengandungi *Al-Na'at* melalui laman web I-Na't". Peratusan mereka 66.7% iaitu seramai 24 orang pelajar berbanding 12 orang yang lain yang berpendapat sebaliknya.

Oleh itu, pengkaji melihat sebilangan besar pelajar yang bersetuju ini menyedari tentang unsur naqli dan aqli dalam web I-Na't. Ia juga

mengukuhkan lagi tujuan penubuhan laman web ini yang menekankan dua elemen teras, salah satunya mengintegrasikan naqli dan aqli melalui ayat Al-Quran.

PENUTUP

Sebagai kesimpulan, penggunaan laman web I-Na't boleh dijadikan sebagai alat bantu mengajar tatabahasa Arab. Antara dapatan kajian yang diperolehi hasil kutipan maklum balas dan pengedaran borang kaji selidik dalam kalangan pelajar Tamhidi sesi 2018/2019 di USIM ialah majoriti pelajar bersetuju bahawa mereka dapat memahami tatabahasa Arab dengan lebih mendalam melalui laman web I-Na't.

Selain itu, dengan pembelajaran melalui laman web I-Na't, pelajar akan terbiasa dengan teknologi pembelajaran abad 21 kerana ia diakses melalui rangkaian internet. Justeru, ia amat selari dengan gagasan sistem pendidikan negara yang menggalakkan pembelajaran dan pengajaran secara kepenggunaan teknologi di era globalisasi ini.

Oleh yang demikian, diharapkan agar laman web-laman web berkaitan dengan tatabahasa Arab dapat dibangunkan dengan lebih banyak lagi selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

BIBLIOGRAFI

- Aladdin, A., & Musa, N. 2014. *Arabic Language Courses for Students at The Faculty of Law UKM – Importance and Challenges*. Procedia – Social and Behavioral Sciences. p118. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.02.007>.
- Al-Osaimi, S., & Wedell, M. 2014. *Beliefs About Second Language Learning: The Influence Of Learning Context And Learning Purpose*. The Language Learning Journal, 42(1). 5-24. <http://doi.org/10.1080/0957173.2012.661753>.
- Ahmad Zaki Amiruddin, Ahmed, Thalal Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Nor Abdul Rahman, Mohd Shahrizan Abu Bakar. 2014. *Penggunaan Aplikasi Atas Talian Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan Kepada quizlet.com*. Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan. Johor: UTHM. April. p1-16.
- Mohd Fadzli Ismail, Mohd Sukki Othman. 2012. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Di SMAP Kajang*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). 2012. ms173-189.
- Mohammad Najib Jaffar, Zulkipli Md Isa, Wahida Mansor, Arnida Abu Bakar & Zainal Abidin Hajib. 2018. *Cabaran Dan Keyakinan Pelajar Melayu Terhadap Pengajaran Dan Bahasa Arab Di Sekolah Menengah*. Ulum Islamiyyah. Negeri Sembilan: USIM. Vol 23. Bil. 18. p50-60.
- Mohammad Najib Jaffar & Aiman Sha'ari. 2016. *Penggunaan Laman Web I-Majrurat Sebagai Alat Bantu Mengajar Tatabahasa Arab*. Al-Qanadir International Journal of Islamic Studies. Vol 3. Bil 1. Nilai: UFRC. p1-8.
- Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya & Muhammad Sabri Sahrir. 2013. *Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam*. 4th Foreign Languages for Specific Purposes: Communication for Development. p1-12.
- Nor Aziah Jema'on, Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Hanafi Abd Rahman. 2017. *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab: Masalah Dan Cabaran*. International Journal Of Religion Research In Education. Johor: UTM. Vol 1. Bil 2. p65-72.
- Rosni Samah. 2012. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab*. Persidangan

Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). 2012. ms286-300. Sektor Pelajaran, Bahagian Teknologi Pendidikan. 2014. <http://www.moe.gov.my/v/profil-jabatan?div=4> (Diakses pada 28 Januari 2019).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.